

Kosmo
6/9/16 m/s 3

Mesin ATM bank di Terengganu dirompak dua hari berturut-turut

RM260,000 lesap dalam 3 minit

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

DUNGUN - Perbuatan merompak mesin pengeluaran wang automatik (ATM) semakin menjadi-jadi di Terengganu apabila dua penjenayah bertopeng melarikan wang tunai RM260,000 selepas bertindak meletupkan mesin ATM sebuah bank di Kuala Dungun di sini semalam.

Kejadian tersebut merupakan kes kedua rompakan mesin ATM dalam tempoh dua hari di negeri itu selepas kejadian di pasar raya Sabasun 2, Gong Badak, Kuala Nerus kelmarin yang melibatkan kerugian RM1.14 juta.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Ahmad Zailani Yaacob berkata, dua penjenayah bertopeng hanya mengambil masa kira-kira tiga minit untuk meletupkan dan melarikan wang tunai berjumlah RM260,000 dari mesin ATM bank itu yang terletak di Jalan Yahaya Ahmad pada pukul 5.50 pagi.

"Berdasarkan rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) bank terbabit, dua penjenayah terbabit telah memasuki ruangan premis bank yang menempatkan tiga mesin ATM dan dua mesin deposit tunai pada pukul 5.47 pagi.

"Mereka mengumpul lapisan pertama mesin ATM yang terletak paling hampir dengan pintu utama menggunakan peralatan

Penyamun larikan RM1.14 juta selepas kurung pengawal keselamatan
SEKUMPULAN tujuh penyamun melarikan wang tunai berjumlah RM1.14 juta dalam kejadian samun membabitkan dua mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan tiga peti besi di sebuah pasar raya di Kuala Nerus, Terengganu semalam.
Dalam kejadian bermula pukul 2.15 pagi hingga 6.30 pagi, penyamun dipercayai warga asing memecahkan kesemua mesin ATM dan peti besi itu selepas mengikat dan mengurung empat pengawal keselamatan di dalam sebuah pusat membeli-belah.

KERATAN Kosmo! semalam.

kuku kambing sebelum meletakkan objek dipercayai bahan letupan di dalamnya," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian di sini semalam.

Ahmad Zailani berkata, ledakan daripada bahan letupan yang masih belum dikenal pasti kemudiannya berjaya memecahkan lapisan kedua mesin ATM terbabit yang mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Menurut beliau, letupan berkenaan juga turut merosakkan sebuah CCTV, besi penghadang dan pintu utama bank berkenaan yang diperbuat daripada kaca.

"Kedua-dua penjenayah tersebut yang memakai jaket dan topi



AHMAD ZAILANI memeriksa salah sebuah mesin ATM yang diletupkan di Jalan Yahaya Ahmad, Kuala Dungun, Dungun semalam.

kemudian cuba memecahkan lapisan pertama satu lagi mesin ATM dengan menggunakan modus operandi sama tetapi gagal.

"Selepas itu, kerana kesuntukan masa, mereka bergegas melarikan komponen mesin ATM mengandungi wang tunai dianggarkan berjumlah RM260,000 dengan sebuah kenderaan yang sedang dikenal pasti," katanya.

Ahmad Zailani berkata, sepasukan polis bergegas dengan sebuah kereta peronda sebaik si-

ren amaran penggera keselamatan bank tersebut berbunyi akibat gegaran letupan berkenaan namun sebaik tiba di lokasi kejadian beberapa minit kemudian, kesemua penjenayah terbabit didapati telah menghilangkan diri.

Beliau berkata, Unit Pemusnah Bom dan Unit Forensik dari Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun telah diarahkan untuk melakukan siasatan berhubung kejadian samun mesin ATM terbabit.

INFO Kes rompakan ATM di Terengganu

15 Ogos 2006 - Hasrat sekumpulan perompak untuk melarikan sebuah mesin ATM di sebuah bank di Jalan Pejabat, Kuala Terengganu gagal selepas pengorek jentera berat yang di gunakan tersangkut pada siling bank

8 Oktober 2013 - Tiga penjenayah berputih mata apabila cubaan mereka untuk melarikan mesin ATM dari sebuah bank di Chukai, Kemaman gagal selepas terkejut dengan alat penggera keselamatan yang berbunyi

19 Mei 2014 - Sekumpulan empat lelaki bertopeng hanya mengambil masa lima minit untuk memecahkan dan melarikan wang tunai RM160,000 daripada sebuah mesin ATM kepunyaan Bank Rakyat Cawangan Jerneh

23 Mei 2016 - Cubaan penjenayah merompak mesin ATM di sebuah bank di Kuala Besut dengan menarik mesin tersebut menggunakan sebuah kereta Proton Wira gagal selepas perbuatan mereka dilihat penduduk sekitar

4 September 2016 - Sekumpulan penjenayah bertopeng mengambil masa kira-kira empat jam untuk memecahkan dua buah mesin ATM dan peti simpanan dari sebuah pasar raya di Gong Badak sebelum melarikan wang tunai sebanyak RM1.14 juta